



KENYATAAN MEDIA

SSM BIZTRUST DIPERLUAS KEPADA ENTITI PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD

Kuala Lumpur, 6 Januari 2023 – Dalam usaha untuk memperkasakan pematuhan setiap entiti perniagaan yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), SSM telah memperluaskan inisiatif SSM BizTrust kepada entiti Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) melalui portal MyLLP berkuatkuasa 30 Disember 2022.

Inisiatif ini merupakan kesinambungan bagi pelaksanaan Kod QR SSM BizTrust yang diperkenalkan pada 31 Mac 2021 sebagai langkah proaktif dalam penambahbaikan ke atas pengesahan melalui logo atau *seal* SSM BizTrust yang sedia ada. Kod QR SSM BizTrust berfungsi sebagai satu pengesahan serta pengenalan identiti digital kepada entiti perniagaan yang berdaftar dengan SSM, di mana sebelum ini, ianya hanya ditawarkan kepada entiti perniagaan pemilikan tunggal dan perkongsian yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

Bagi entiti PLT, pegawai pematuhan yang memiliki akaun MyLLP di portal SSM4U boleh memuat turun dan seterusnya memuat naik Kod QR SSM BizTrust ke laman sesawang atau platform media sosial PLT masing-masing. Kod QR ini akan mempamerkan nama dan nombor pendaftaran entiti perniagaan, status serta alamat URL perniagaan apabila diimbias melalui aplikasi mobil rasmi SSM, MySSM.

Pada masa ini, entiti pemerbadanan syarikat masih boleh mendaftar SSM BizTrust secara percuma dan permohonan pendaftaran boleh dibuat melalui pautan biztrust.ssm.com.my.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan SSM di talian 03-77214000 atau e-mel ke enquiry@ssm.com.my.

DIKELUARKAN OLEH: SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

TARIKH: 6 JANUARI 2023